



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA  
(AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI)**



## PELUANG KERJAYA DI SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang mula beroperasi sepenuhnya pada 1 Januari 2008, mempelawa semua warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan bagi mengisi kekosongan jawatan di Suruhanjaya seperti berikut:

Jawatan	:	Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi
Gred Jawatan	:	E29
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana
Klasifikasi Perkhidmatan	:	Ekonomi
Jadual Gaji	:	RM1,493.00 – RM5,672.00 ( <i>Contract of Service</i> )
Syarat Lantikan	:	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:<ol style="list-style-type: none"><li>warganegara Malaysia;</li><li>berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan (c)<ol style="list-style-type: none"><li>Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan (Gaji Permulaan pada Gred E29 : RM1,493.00); atau</li><li>Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengan oleh Kerajaan (Gaji Permulaan pada Gred E29 : RM1,493.00); atau</li><li>Sijil Pertanian atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan (Gaji Permulaan pada Gred E29 : RM1,493.00); atau</li><li>Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji Permulaan pada Gred E29 : RM1,770.95).</li></ol></li></ol></li></ol>

### **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Taraf Jawatan	:	<b>KONTRAK</b>
Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan	:	Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
Fungsi Bidang Tugas	:	Membantu pelaksanaan penguatkuasaan Undang-undang Koperasi, menggalakkan penubuhan koperasi, menguruskan perihal pendaftaran koperasi dan pindaan Undang-undang Kecil, menghadiri mesyuarat-mesyuarat Lembaga dan Tahunan Koperasi, melaksanakan program-program pengembangan dan penggalakan dan membantu pegawai mengawas pelaksanaan kuasa Ketua Pendaftar. Memberi khidmat bimbingan kepada koperasi dalam perkara-perkara pengurusan dan projek perniagaannya.
Tarikh Tutup Permohonan	:	<b>16 Jun 2022</b>